



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

**PENGURUSAN KOMPLEKS SEJARAH PASIR SALAK SEBAGAI
DAYA TARIKAN PELAWAT**

MOHAMAD SYAMSUL AKMAR BIN WAHIYUDIN

24039

2012

**PENGURUSAN KOMPLEKS SEJARAH PASIR SALAK SEBAGAI DAYA
TARIKAN PELAWAT**

MOHAMAD SYAMSUL AKMAR BIN WAHIYUDIN
24039

Projek ini merupakan satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2012

Projek bertajuk **“PENGURUSAN KOMPLEKS SEJARAH PASIR SALAK SEBAGAI DAYA TARIKAN PELAWAT”** telah disediakan oleh Mohamad Syamsul Akmar Bin Wahyudin dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (Pengurusan Seni).

Diterima untuk diperiksa oleh:

(Tuan Haji Mohd Ghazali bin Abdullah)

Tarikh:

PENGHARGAAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Syukur Alhamdulillah kehadiran Allah s.w.t yang memberi limpah kurnia-Nya serta dengan keizinan-Nya maka terlaksana projek Tahun Akhir sesi 2011/2012 pada masa yang ditetapkan. Penghargaan ini ditujukan kepada pensyarah Jabatan Seni Liberal, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) terutamanya kepada penyelia pengkaji iaitu Tuan Haji Mohd Ghazali bin Abdullah yang banyak meluangkan masa, memberi bimbingan, panduan, dan cadangan yang membina dalam melengkapkan kajian ini.

Penghargaan ini juga dikhususkan kepada informan-informan yang terlibat dalam melaksanakan kajian ini terutamanya kepada Encik Mohd Fauzi bi Razali, dan Encik Mat Nor Zari kerana sudi meluangkan masa untuk memberi kerjasama yang tidak terkira dalam membantu melengkapkan kajian ini. Tanpa mereka, kajian ini mungkin tidak dapat dilengkapkan dengan baik.

Saya juga ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada ibu saya iaitu Salimah bt Selamat yang telah memberi dorongan dan semangat untuk saya menyiapkan kajian ini. Tidak dilupakan, ucapan terima kasih kepada Abdul Hadi bin Ahmad dan rakan-rakan seperjuangan atas sokongan, galakan, dan perkongsian idea-idea bagi melengkapkan kajian ini.

Terima Kasih,

Mohamad Syamsul Akmar bin Wahiyudin

93 Kampung Bakar Arang Sungai Ranggung,
Mukim Kota Setia,
36000 Teluk Intan, Perak.

ISI KANDUNGAN

BORANG PENGESAHAN STATUS LAPORAN	ii
PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ISI KANDUNGAN	v
SENARAI SINGKATAN	viii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI CARTA	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI PETA	xi
SENARAI FOTO	xi
ABSTRAK	xiii
ABSTRACT	xiv
BAB SATU: PENGENALAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	9
1.3 Objektif Kajian	11
1.4 Persoalan Kajian	12
1.5 Hipotesis	12
1.6 Kerangka Kajian	13
1.7 Kepentingan Kajian	15
1.8 Skop Kajian	17
1.9 Organisasi Kajian	18

BAB DUA: SOROTAN KESUSASTERAAN

2.1 Pengenalan	20
2.2 Sejarah Muzium Dunia	20
2.2.1 Pengertian Muzium	21
2.2.2 Fungsi Muzium	22
2.3 Sejarah Muzium Di Malaysia	25
2.4 Sejarah Kompleks Sejarah Pasir Salak	26
2.5 Pengurusan	26
2.6 Faktor Kehadiran Pelawat	30
2.7 Rumusan	31

BAB TIGA: METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	33
3.2 Lokasi Kajian	34
3.4 Data	35
3.4.1 Data Primer	36
3.4.2 Data Sekunder	39
3.5 Populasi	39
3.6 Persampelan	40
3.7 Instrumen kajian	40
3.8 Batasan Kajian	42
3.8.1 Batasan Data	42
3.8.2 Batasan Kemahiran	43
3.8.3 Batasan Responden	43
3.8.4 Batasan Masa	43
3.9 Rumusan	43

BAB EMPAT: ANALISA DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	45
4.2 Data Pelawat	46
4.2.1 Latar Belakang Responden	46
4.2.2 Pengetahuan Responden	52
4.3 Mengenalpasti Faktor Yang Mendorong Pelawat Datang Ke Kompleks Sejarah Pasir Salak	56
4.4 Mengkaji Kaedah Pengurusan Kompleks Sejarah Pasir Salak	74
4.4.1 Pengurusan Kompleks Sejarah Pasir Salak	77
4.5 Meneliti Strategi Perlaksanaan Kompleks Sejarah Pasir Salak Untuk Meningkatkan Tahap Kefahaman Pelawat	79
4.5.1 Pandangan Responden	82
4.6 Rumusan	85

BAB LIMA: CADANGAN DAN RUMUSAN KAJIAN

5.1 Pengenalan	86
5.2 Rumusan Bab	86
5.3 Cadangan Kepada Organisasi	88
5.4 Cadangan untuk Kajian Akan Datang	89
5.5 Kesimpulan	90

RUJUKAN	91
----------------	----

LAMPIRAN	93
-----------------	----

Lampiran A	93
------------	----

Lampiran B	96
------------	----

Lampiran C	97
Lampiran D	97
Lampiran E	98
Lampiran F	98
Lampiran G	99
Lampiran H	99
Lampiran I	100
Lampiran J	100
Lampiran K	101

SENARAI SINGKATAN

CAIS	Centre Of Academic Information System
HRMIS	Human Resource Management Information System
LCD	Liquid Crystal Display
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PUSTAKA	Perputakaan Negeri Sarawak
SKT	Sasaran Kerja Tahunan
SPM	Sijil Peperiksaan Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Peperiksaan Malaysia
SWOT	Strenght, Weakness, Opputunity, Threat
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
5S	Sisih, Susun, Sapu, Seragam, Sentiasa Amalkan

SENARAI JADUAL

PERKARA	TAJUK JADUAL	MUKA SURAT
JADUAL 2.1	Pembahagian Pebgurusan Muzium	29
JADUAL 4.1	Analisis Taburan Pelawat Mengikut Jantina	53
JADUAL 4.2	Analisis Taburan Pelawat Mengikut Umur	68
JADUAL 4.3	Analisis Taburan Pelawat Mengikut Bangsa	70
JADUAL 4.4	Analisis Taburan Pelawat Mengikut Pendidikan	69
JADUAL 4.5	Analisis Taburan Pelawat Mengikut Pekerjaan	69
JADUAL 4.6	Analisis Taburan Pelawat Yang Mengetahui Kewujudan Kompleks Sejarah Pasir Salak	70
JADUAL 4.7	Analisis Taburan Pelawat Yang Memperoleh Sumber Maklumat	69
JADUAL 4.8	Analisis Taburan Pelawat Yang Mengetahui Lokasi Kompleks Sejarah Pasir Salak	69
JADUAL 4.9	Analisis Taburan Pelawat Yang Pernah Berkunjung Ke Kompleks Sejarah Pasir Salak	70
JADUAL 4.10	Analisis Taburan Pelawat Yang Menyatakan Sebab Berkunjung	69
JADUAL 4.11	Jumlah Pelawat ke Kompleks Sejarah Pasir Salak Mengikut Tahun	71
JADUAL 4.12	Analisis Taburan Pelawat Yang Mengatakan Sejarah Pembunuhan J.W.W Birch Sebagai Faktor Utama Kehadiran Pelawat	72
JADUAL 4.13	Analisis Taburan Pelawat Yang Mengatakan Kompleks Sejarah Pasir Salak Tempat Yang Startegik	82
JADUAL 4.14	Analisis Taburan Pelawat Mengatakan Aktiviti Yang Dijalankan Di Kompleks Sejarah Pasir Salak Menarik	83

JADUAL 4.15	Analisis Taburan Pelawat Mengatakan Kompleks Sejarah Pasir Salak memberi Pemahaman Yang Jelas Tentang Sejarah Pasir	84
--------------------	---	----

SENARAI CARTA

PERKARA	TAJUK CARTA	MUKA SURAT
CARTA 2.1	Organisasi Kompleks Sejarah Pasir Salak	9
CARTA 4.1	Analisis Taburan Pelawat Mengikut Jantina	46
CARTA 4.2	Analisis Taburan Pelawat Mengikut Umur	47
CARTA 4.3	Analisis Taburan Pelawat Mengikut Bangsa	48
CARTA 4.4	Analisis Taburan Pelawat Mengikut Pendidikan	50
CARTA 4.5	Analisis Taburan Pelawat Mengikut Pekerja	51
CARTA 4.6	Analisis Taburan Pelawat Yang Mengetahui Kewujudan Kompleks Sejarah Pasir Salak	52
CARTA 4.7	Analisis Taburan Pelawat Yang Memperoleh Sumber Maklumat	53
CARTA 4.8	Analisis Taburan Pelawat Yang Mengetahui Lokasi Kompleks Sejarah Pasir Salak	54
CARTA 4.9	Analisis Taburan Pelawat Yang Pernah Berkunjung Ke Kompleks Sejarah Pasir Salak	55
CARTA 4.10	Analisis Taburan Pelawat Yang Menyatakan Sebab Berkunjung	56
CARTA 4.11	Analisis Taburan Pelawat Yang Mengatakan Sejarah Pembunuhan J.W.W Birch Sebagai Faktor Utama Kehadiran Pelawat	71
CARTA 4.12	Analisis Taburan Pelawat Yang Mengatakan Kompleks Sejarah Pasir Salak Tempat Yang Startegik	80
CARTA 4.13	Analisis Taburan Pelawat Mengatakan Aktiviti Yang Dijalankan Di Kompleks Sejarah Pasir Salak Menarik	81

CARTA 4.14	Analisis Taburan Pelawat Mengatakan Kompleks Sejarah Pasir Salak Memberi Pemahaman Jelas	83
-------------------	--	----

SENARAI RAJAH

PERKARA	TAJUK RAJAH	MUKA SURAT
RAJAH 1.1	Konsep Seni Rupa	13
RAJAH 1.2	Konsep Seni Rupa	13
RAJAH 2.1	Konsep Organisasi	28

SENARAI PETA

PERKARA	TAJUK PETA	MUKA SURAT
PETA 3.1	Negeri Perak	34

SENARAI FOTO

PERKARA	TAJUK FOTO	MUKA SURAT
FOTO 1.1	Surat Perjanjian Pangkor	5
FOTO 4.1	Terowong Sejarah	59
FOTO 4.2	Diorama ke-11 Perjanjaian Pangkor tahun 1874	60
FOTO 4.3	Diorama ke-16 Pembunuhan J.W.W Birch	61
FOTO 4.4	Galeri Keris	62

FOTO 4.5	Tugu Peringatan J.W.W Birch	63
FOTO 4.6	Tugu Peringatan Pahlawan Perak	64
FOTO 4.7	Galeri Sejarah Perak Darul Ridzuan	65
FOTO 4.8	Rumah Kutai 1	66
FOTO 4.9	Rumah Kutai 2	68
FOTO 4.10	Menara Pandang	69
FOTO 4.11	Pentas Belotah	70

ABSTRAK

Kajian ini mengenai Pengurusan Kompleks Sejarah Pasir Salak Sebagai Daya Tarikan Pelawat. Pengkaji ingin mengkaji mengenai faktor yang mendorong pelawat ke Kompleks Sejarah Pasir Salak, meneliti kaedah pengurusan yang digunakan dan meneliti strategi efektif bagi meningkatkan tahap kefahaman pelawat. Hasil kajian ini dapat dikenal pasti beberapa faktor yang mendorong pelawat datang ke Kompleks Sejarah Pasir Salak. Justeru kajian ini untuk memaparkan kesan-kesan tinggalan pembunuhan J.W.W Birch dan penentangan masyarakat Melayu terhadap British.

ABSTRACT

This study on management of Pasir Salak Historical Complex For Visitors Attractions. Researchers want to study about the factors that encourage visitors to the Pasir Salak Historical Complex, examines the management methods used and examine effective strategies to enhance the understanding of visitors. Results of this study can be identified several factors that encourage visitors to come to Pasir Salak Historical Complex. Therefore this study to show the effects of killing the remains of JWW Birch and Malay resistance against the British.

BAB SATU: PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Masyarakat zaman dahulu mula mewujudkan muzium secara persendirian iaitu dengan pengumpulan barang-barang antik dan sejarah di rumah-rumah mewah mereka seperti villa persendirian. Pada masa tersebut, muzium hanya tertumpu kepada masyarakat kelas atasan atau golongan bangsawan sahaja. Menurut Eilean Hooper-Greenhill (1995:41)

The root of museum are conventionally traced back to the ancient western world, where arts was first shown as a booty of conquest in the splendour of private villas.

Namun muzium telah dimodenkan pada lewat abad ke-18 dan awal abad ke-19 seperti yang telah di perkatakan oleh Tony Bennet (1995:19) dalam bukunya yang bertajuk *The Birth Of Museum*.

The public museum, as is well know, acquired its modern form during the late eighteenth and early nineteenth centuries.

Perubahan yang berlaku telah meningkatkan institusi permuziuman menjadi lebih kreatif dan menarik. Ekoran daripada agenda politik kerajaan yang semakin kuat, pada masa tersebut muzium dijadikan pula sebagai tempat untuk mentamadunkan manusia oleh kerajaan. Hal ini diperjelaskan oleh Tony Bennett (1995:19) iaitu:

It is , however, only later - in the mid to late nineteenth century – that the relations between culture and government come to be thought of and organized in a distinctively modern way via the conception that the works, forms and institution of high culture might be enlisted for this governmental task in being assigned the purpose of civilizing the population as a whole.

Pernyataan tersebut memberi gambaran tentang peranan muzium yang semakin meluas iaitu bukan sahaja sebagai tempat pameran dan ilmu semata-mata namun ia semakin berkembang menjadi pusat ketamadunan manusia. Pembaharuan ini telah diperkenalkan oleh James Silk Buckingham yang telah memperkenalkan *...concept of culture's role into the practice agenda of reforming politics in early Victorian England*. (Tony Bennett 1995:19)

Namun peranan muzium secara asasnya tidak berubah walaupun telah mengalami perubahan yang besar dari segi fungsinya. Sejak lewat abad ke-18 dan awal abad ke-19, muzium telah memainkan peranan yang penting dalam menyebarkan maklumat dan ilmu kepada pelawat yang mengujungi tempat tersebut. Selain itu, muzium turut berperanan sebagai

...valuable sense of connection with the past and present, and serve as a springboard for the future.

(Timothy Ambrose & Crispin Paine 1993:3)

Menurut pandangan Timothy Ambrose & Crispin Paine, muzium dijadikan sebagai penghubung atau alat penyambung manusia ke masa lampau dan ke masa hadapan. Terdapat pelbagai jenis muzium yang mempunyai pelbagai fungsi dan peranan di seluruh negara.

Timothy Ambrose & Crispin Paine (1993:7) telah mengklasifikasikan muzium kepada 10 jenis mengikut artifak atau bahan yang dikumpulkan di muzium. Antaranya ialah *General museums, Archaeology museums, Arts museums, History museums, Ethnography museums, Natural history museums, Geology museums, Science museums, Military museums and Industrial museums*.

Kompleks Sejarah Pasir Salak adalah tergolong dalam kumpulan *history museum*. Hal ini disebabkan konsep pameran dan barang-barang yang diperagakan

adalah berkaitan dengan sejarah perjuangan masyarakat Melayu yang menentang penjajahan British. Kompleks Sejarah Pasir Salak atau dikenali sebagai muzium, telah ditempatkan di Mukim Pasir Salak di negeri Perak Darul Ridzuan kerana di situlah berlakunya kejadian penentangan masyarakat Melayu Pasir Salak terhadap penjajahan British.

Penentangan tersebut berpunca daripada penguasaan British terhadap sistem politik dan ekonomi yang mengancam institusi Beraja di Perak dan kuasa mengutip cukai oleh Pembesar Perak di tanah jajahan mereka. Pembunuhan J.W.W Birch adalah salah satu tanda protes masyarakat Melayu Pasir Salak terhadap tindakan British yang membawa masuk Residen British di Perak.

Sejarah penentangan di Negeri Perak bermula dengan kehadiran Residen British yang pertama di Perak iaitu J.W.W Birch pada 30 Oktober 1874. Tarikh kehadiran Residen British tersebut telah direkodkan oleh M.A. Fawzi Basri (1986:78) dalam bukunya yang bertajuk 'Cempaka Sari' yang mengatakan J.W.W Birch telah pergi ke Perak pada 30 Oktober 1874 untuk memulakan tugas sebagai Residen dan sampai di Batak Rabbit beberapa hari kemudian.

Kehadiran Residen tersebut telah menimbulkan rasa tidak puas hati kepada sultan, golongan pembesar dan rakyat apabila British cuba memperkenalkan sistem cukai yang baru dan mengharamkan amalan penghambaan. M.A. Fawzi Basri (1986:78) turut menyatakan bahawa J.W.W Birch telah mendapat tentangan daripada pembesar Melayu apabila melaksanakan rancangan menubuhkan pusat pungutan cukai yang baru. Selain itu, Birch juga bertindak menyusun semula sistem cukai-cukai pajak, candu, arak, judi, permit balak, cukai perahu, senjata, padi dan memotong atap.

Pengenalan sistem cukai tersebut amat membebankan masyarakat dan ada di antaranya tidak munasabah seperti cukai kelamin. Pada pandangan J.W.W Birch sistem kepimpinan kerajaan Melayu pada ketika itu sangat lemah dan memerlukan perubahan daripada kerajaan British. Menurut M.A. Fawzi Basri (1986:76) Birch telah menyatakan bahawa:

The Malays, like every other rude eastern nation, require to be treated much more like children, and to be taught; and this especially in all matters of improvement, whether in the question of good government and organization, or of material improvement....

Pernyataan berikut merupakan persepsi Birch terhadap kemampuan orang Melayu yang dianggap lemah dan tidak mampu untuk memimpin kerajaan. Kesedaran masyarakat Melayu telah timbul apabila British cuba merampas hak sultan dan pembesar Melayu sebagai pemerintah melalui Perjanjian Pangkor pada tahun 1874. Maka berlakulah pakatan antara Sultan Abdullah dengan pembesar tempatan antaranya Dato' Maharaja Lela dan Dato' Sagor. Pakatan tersebut dibuat di Durian Sebatang dengan tujuan untuk membunuh J.W.W Birch dengan tiga cara iaitu dengan menggunakan bomoh, meracun dan dengan cara menikam. Hal ini telah diperkatakan oleh M.A. Fauzi Basri (1986:81)

...tindakan membunuh Birch dengan meracun makanannya pada 12 Ogos telah gagal. Kebencian Sultan terhadap Birch makin membara dalam satu upacara 'menurun', Sultan Abdullah menyatakan Birch akan mati dalam tempoh satu bulan.

Tindakan untuk membunuh Birch turut diperkatakan oleh Abdullah Zakaria Bin Ghazali (1993:38) yang menyebut bahawa:

percubaan meracuni dan bermain hantu untuk menghapuskan J.W.W Birch tidak Berjaya. Upacara bermain hantu diadakan di Batak Rabbit pada 24-26 Ogos 1876.




Foto 1.1: Surat Perjanjian Pangkor Dalam Tulisan Jawi
Sumber: Kompleks Sejarah Pasir Salak

Akibat daripada perjanjian Pangkor pada 20 Januari 1874 yang dilakukan telah memaksa Sultan Abdullah menandatangani Perjanjian Pangkor yang dianggap berat sebelah dan menghilangkan kuasa sultan serta para Pembesar Perak. Ini dapat dilihat melalui foto 1.1 di atas. Perkara tersebut telah diperjelaskan lagi oleh Tan Sri Dato' Seri Ramli bin Ngah Talib dan Abdul Jamal Mat Kasa (1999:31) dalam bukunya yang bertajuk Panduan Diorama telah mengatakan bahawa Raja Abdullah serta beberapa orang pembesar Perak dan Gabenor Sir Andrew Clarke telah menandatangani Perjanjian Pangkor pada 20 Januari 1874 di atas kapal api Pluto. Dalam perjanjian tersebut telah melantik Raja Muda Abdullah dilantik sebagai Sultan Perak, Sultan Ismail sebagai Sultan Muda dan seorang Residen akan dilantik di Perak.

Melalui perjanjian tersebut telah memperakui kuasa J.W.W Birch sebagai Residen di negeri Perak yang Sah. Kemelut dalaman antara kerabat Diraja menjadi faktor utama British campur tangan dalam sistem kerajaan Melayu Perak sehingga

terwujudnya Perjanjian Pangkor. Kemelut tersebut telah dinyatakan oleh M.A. Fauzi Basri (1986:66) dalam bukunya yang bertajuk Cempaka Sari:

Kedua-dua bahagian itu, masing-masing mempunyai Sultannya sendiri. Bahagian Utara atau lebih jelas Hulu Perak (dari Batu Gajah hingga ke sempada Siam dan Kedah) berajakan Sultan Ismail, dan bahagian Hilir Perak Selatan (dari Pasir Salak hingga ke sempadan Selangor) berajakan Sultan Abdullah. Konflik ini menyebabkan pembesar Perak juga berpecah, Laksamana, dan Dato' Sagor menyokong Raja Abdullah. Manakala Menteri Larut, Temenggung dan Panglima Kinta menyokong Sultan Ismail.

Tindakan British telah membawa kepada kemarahan orang Melayu Pasir Salak sehingga membawa kepada pembunuhan J.W.W Birch. Menurut Abdullah Zakaria Ghazali (1997:136) menceritakan tentang kisah pembunuhan J.W.W Birch. menurut beliau J.W.W Birch telah dibunuh oleh Seputum ketika Residen British tersebut sedang mandi di rumah rakit. Kemudian mayat J.W.W Birch tenggelam dan dihanyutkan oleh arus sungai.

Dalam Karya beliau yang lain bertajuk 'Ngah Ibrahim', Abdullah Bin Zakaria (1993:41) turut menceritakan tentang peristiwa pembunuhan Birch di pasir Salak dengan mengatakan:

...Pandak indut merejami lembing ke arah J.W.W Birch. kemudiannya diikuti oleh Kulup Ali, Ngah Jabur dan Panjang Bur... beliau ditikam oleh Si Tuah dan ditetak dua kali oleh Seputum.

Kesan penentangan masyarakat Melayu di Pasir Salak dan pembunuhan J.W.W Birch dapat dilihat sehingga ke hari ini dengan wujudnya Kompleks Sejarah Pasir Salak sebagai tempat pengumpulan objek dan pameran sejarah Pasir Salak dalam bentuk diorama mahupun artifak. Sebagai memperingati semangat kepahlawanan orang Melayu Pasir Salak, sebuah memorial istimewa berbentuk sundang telah dibina sebagai lambang keberanian masyarakat Melayu. Memorial tersebut dikenali sebagai Tugu Peringatan Pahlawan Perak. Sundang merupakan senjata seperti parang yang digunakan secara meluas oleh orang Melayu khususnya di Pasir Salak. Menurut En. Mat Nor Zari selaku

Pembantu Muzium di Kompleks Sejarah Pasir Salak, melalui temubual yang dijalankan di pejabatnya telah mengatakan bahawa sundang merupakan senjata yang digunakan oleh Seputum untuk menetak dan membunuh J.W.W Birch.

Selain daripada itu, salah satu tarikan utama kompleks sejarah adalah Terowong sejarah kerana di situlah terdapat peristiwa-peristiwa penting berkaitan dengan penentangan masyarakat Melayu dan pembunuhan J.W.W Birch dipamerkan kepada pelawat dalam bentuk diorama. Menurut En. Mohd Fauzi Bin Mohamad Razali dalam temubual bersamanya telah mengatakan terdapat sebanyak 580 buah patung kesemuanya yang dibawa dari Filipina untuk membentuk diorama indah di dalam Terowong Sejarah.

Berdekatan dengan Kompleks Sejarah Pasir Salak, terdapat Kesan-kesan tinggalan sejarah peperangan masyarakat Melayu dengan British iaitu Kubu Dato' Maharaja Lela. Kubu tersebut digunakan oleh pahlawan Melayu untuk mempertahankan Pasir Salak dari ditawan oleh British. Selain itu, di kawasan kubu tersebut terdapat tinggalan rumah Dato' maharaja Lela yang telah dibina semula menyerupai rumah yang asal. Pelawat juga boleh meluangkan masa dengan melawat kubur Seputum yang juga merupakan salah seorang pahlawan yang terlibat dalam pembunuhan J.W.W Birch.

Kompleks Sejarah Pasir salak telah dibina pada tahun 1990 dan didirikan di kawasan berlakunya pembunuhan J.W.W Birch. Pada awal pembinaan Kompleks Sejarah ini hanya mengandungi beberapa buah binaan seperti dua buah rumah Kutai, dua buah tugu dan sebuah masjid lama. Pembinaan fasa ke-2 telah memperlihatkan beberapa buah bangunan telah didirikan seperti sebuah pejabat, gerai cenderamata dan balai pameran. Bagi pembinaan fasa ke-3 yang bermula pada tahun 1995, beberapa buah bangunan telah dibina untuk melengkapkan Kompleks Sejarah Pasir Salak ini sebagai gedung rujukan sejarah dan destinasi pelancongan. Antara bangunan yang telah


dibina termasuklah Menara Pandang dan Pentas Belotah. Pembinaan ini dibuat secara berperingkat-peringkat sehingga siap sepenuhnya.

Menurut En. Mohd Fauzi bin Mohamad Razali dalam temubual yang diadakan di pejabatnya telah menyatakan bahawa, Kompleks Sejarah ini berfungsi sebagai pusat rujukan mengenai sejarah yang terkandung di Pasir Salak. Pernyataan tersebut pula disokong oleh Dato' Seri Ramli Ngah Talib (1998:1) dalam bukunya yang bertajuk “ Buku Panduan Pelawat - Kompleks Sejarah Pasir Salak – Bumi Pahlawan Melayu” menyatakan Kompleks Sejarah Pasir Salak berfungsi sebagai pusat yang menyediakan sumber-sumber rujukan mengenai sejarah dan kebudayaan Negeri Perak Darul Ridzuan yang berguna kepada masyarakat.

Kini Kompleks Sejarah ini telah menerima ribuan pengunjung pada setiap tahun sama ada dari dalam dan luar Negara. Objektif Kompleks Sejarah Pasir Salak mungkin tidak terlaksana tanpa adanya sistem pengurusan yang berkesan untuk diaplikasikan di muzium tersebut. Menurut En. Mohd Fauzi bin Mohamad Razali dalam temubual yang dijalankan mendapati, sistem pengurusan yang dijalankan oleh organisasi di Kompleks Sejarah Pasir Salak adalah mengikut pentadbiran yang diketuai oleh Kurator muzium negeri Perak dan dibantu oleh Penolong Kurator, Pembantu Muzium dan Pembantu Tadbir. Setiap kakitangan muzium memainkan peranan yang penting dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelawat.

Selain itu, Pengkaji mendapati pengurusan di Kompleks Sejarah Pasir Salak adalah di bawah arahan Pn. Nor Janati bt Ibrahim iaitu sebagai Kurator Muzium-muzium Negeri Perak. Beliau menentukan setiap perkara penting yang perlu dilakukan oleh kakitangan muzium agar segala perancangan yang dilakukan berjalan dengan lancar. Selain itu, kerjasama yang erat antara kakitangan muzium akan mengukuhkan lagi sistem pengurusan Kompleks Sejarah ini. Pengurusan di Kompleks Sejarah ini

berteraskan kepada konsep kerjasama bagi mencapai objektif muzium. Segala masalah yang dihadapi oleh Kompleks Sejarah ini akan dibawa dalam perbincangan untuk mencari jalan penyelesaiannya.



Carta 1.1: Organisasi Kompleks Sejarah Pasir Salak
Sumber: Kompleks Sejarah Pasir Salak, 2011

1.2 Permasalahan Kajian

Muzium merupakan pusat penyebaran ilmu tentang sejarah yang terbaik kepada orang ramai. Menurut Richard Sandell and Robert R. Janes (2007:177), dalam bukunya yang bertajuk *Museum Management and Marketing* menyatakan bahawa:

... Museums must be seen by the public to add value to their lives and to their life of the community... We are storehouse of information, not just curious object... We can help build bridges of understanding between people of various races, religions, interests and backgrounds....